

Pertahanan kehijauan Bukit Dinding sebagai 'talian hayat' warga kota

Dr Azita Ahmad Zawawi,
Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia

Kuala Lumpur sering dilabel sebagai 'hutan konkrit' akibat dominasi pencakar langit dan pembangunan pesat. Namun, di sebalik landskap urban padat, masih wujud kawasan hijau berfungsi sebagai talian hayat warga kota.

Antara permata alam masih mendapat perhatian ialah Bukit Dinding, terletak di antara Wangsa Maju dan Setiawangsa. Setinggi 291 meter, bukit ini antara titik semula jadi tertinggi di pinggir ibu kota.

Dahulunya ladang getah, kawasan ini kini berkembang menjadi hutan sekunder kaya biodiversiti dan signifikan dari sudut ekologi, sosial serta saintifik.

Walaupun kehijauannya menjadi tarikan pencinta alam, Bukit Dinding turut berdepan tekanan pembangunan. Konflik guna tanah di kawasan cerun bukit bukan isu baharu apabila cadangan projek perumahan berkepadatan tinggi terus dibangkitkan.

Pembangunan sedemikian bukan sahaja mengancam ekosistem sedia ada, malah meningkatkan risiko tanah runtuh dan banjir kilat kepada penduduk sekitar.

Justeru, suara komuniti setempat menjadi benteng utama mempertahankan kawasan ini daripada penerokaan tidak terkawal. Dalam era pasca-pandemik, peranan ruang hijau terhadap kesejahteraan mental semakin diiktiraf.

Bukit Dinding berfungsi sebagai ruang rekreasi penting, menarik ribuan pendaki, pelari denai dan penunggang basikal setiap minggu. Keindahan semula jadi, suhu nyaman serta suara alam memberi kesan terapeutik, selari dengan kajian konsep *shinrin-yoku* atau mandi hutan yang terbukti mengu-

rangkan tekanan.

Jika ditakdirkan Bukit Dinding 'lenyap', bermakna orang Kuala Lumpur dan warga kota kehilangan alam serta aktiviti lasak bakal kehilangan ruang penyembuhan amat bernilai.

'Makmal hidup' tidak ternilai

Dari sudut saintifik, Bukit Dinding ialah 'makmal hidup' tidak ternilai. Hutan sekunder matang ini menjadi habitat kepada lebih 100 spesies flora dan fauna, termasuk burung, serangga dan amfibia jarang ditemui di kawasan bandar.

Lokasinya strategik membolehkan pelajar dan penyelidik menjalankan kajian ekologi, pemuliharaan tanah dan kelangsungan biodiversiti dalam persekitaran bandar.

Kemusnahannya bukan sahaja menghapuskan pokok, malah memadamkan sumber data biologi penting untuk generasi akan datang.

Keunikan Bukit Dinding turut terserlah melalui kekuatan komuniti setempat. Persatuan seperti

Friends of Bukit Dinding (FoBD) memainkan peranan aktif dalam pemantauan risiko, pembersihan kawasan serta program kesedaran dan advokasi.

Pembabitatan sukarela ini membuktikan masyarakat bukan lagi pengguna pasif, sebaliknya rakan strategik dalam perancangan bandar mampan.

Secara ekologi, Bukit Dinding berfungsi sebagai penapis udara semula jadi, pengurang kesan pulau haba bandar serta sistem kawalan air hujan mengurangkan risiko banjir. Fungsi ini terbentuk melalui proses semula jadi selama puluhan tahun dan tidak wajar dikorbankan demi keuntungan jangka pendek.

Bukit Dinding menjadi ujian iltizam politik dan kesedaran sivik bagi menyeimbangkan pembangunan dan pemuliharaan alam. Mewartakannya sebagai Hutan Simpan Kekal bandar langkah wajar demi memastikan warisan hijau ini terus dinikmati.

Mempertahankan Bukit Dinding bukan sekadar menyelamatkan alam, tetapi menjaga identiti dan kesejahteraan komuniti kota untuk masa depan.



Mewartakan Bukit Dinding sebagai Hutan Simpan Kekal langkah wajar demi memastikan warisan hijau terus dinikmati.

(Foto Friends of Bukit Dinding)